

**"Sebagai pengurus ciptaan Allah, kita dipanggil untuk menjadikan bumi sebagai taman yang indah bagi keluarga manusia."**

Paus Fransiskus



#### Ayat Suci Minggu ini:

Yesaya 35: 4-7

Mazmur 145: 7-10

Yakobus 2: 1-5

Markus 7: 31-37

Dia mengasihani lelaki itu dan melakukan mukjizat kepada orang yang tidak dapat berbuat banyak untuk dirinya sendiri.

Santo Yakobus bercakap tentang perbezaan yang kadang-kadang kita buat antara orang yang tidak boleh berbuat banyak untuk diri mereka sendiri dan untuk mereka yang boleh. Kadang-kadang, kita juga membuat perbezaan antara "ada" dan "tidak-ada". Ia berlaku walaupun dalam kalangan gereja. Mereka yang mempunyai pengaruh, kuasa dan populariti sering mendapat perhatian dan mempunyai "suara" sama ada dalam keluarga, gereja dan masyarakat.

**Iman kita kepada Yesus mesti memastikan bahawa kita menjadi "suara" bagi mereka yang tidak bersuara** dan bagi mereka yang tidak dapat berbuat banyak untuk diri mereka sendiri. Kita tahu bahawa sudah tentu Tuhan ingin menolong semua orang, dan terutamanya yang lemah, miskin dan terpinggir, sama seperti yang Dia lakukan semasa Dia hidup di bumi.

Inilah sikap yang harus kita miliki dan tunjukkan, untuk memberitahu mereka yang lemah, seperti yang tertulis dalam Yesaya, "*Katakanlah kepada mereka yang patah hati, jangan takut, Allahmu akan datang dan menyelamatkan kamu*". Kita menjadi lebih seperti Yesus apabila kita membela orang yang hina atau mereka yang dibebani oleh kelemahan dan juga kegagalan. Orang ramai perlukan peluang kedua.

Daripada duduk dan menghakimi orang lain, kita juga boleh membawa orang kepada Yesus semasa kita mengangkat mereka dalam doa dan dalam pelayanan. Kita boleh membuat perubahan dan boleh memberi mereka peluang sekali lagi. Ramai di sekeliling kita perlu mengalami sedikit penyembuhan atau mendengar seseorang berkata, "Saya minta maaf" atau "Saya peduli". Begitu banyak hati kita yang perlu 'dibuka'. Inilah yang Yesus minta daripada kita sebagai murid-murid-Nya.

Sesungguhnya ini adalah perintah-Nnya, untuk mengasih sehingga ia menyakitkan. ♦

NEW WAY OF BEING CHURCH

**newbec**

G A R A M D A N T E R A N G D U N I A :  
MERAYAKAN, MENDENGAR DAN BERJALAN BERSAMA DALAM SEMANGAT PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI (MATIUS 5:13-16).

FOKUS BULANAN MENDENGAR TANGISAN BUMI

# Semoga Hati Kita Terbuka

**"Ephphatha...Terbukalah."** Dengan satu perintah Yesus menyembuhkan orang pekak dan bisu. "Telinganya dibuka, lidahnya dilepaskan, dan dia bercakap dengan jelas". Tetapi lelaki ini tidak dapat bertanya kepada Yesus apa yang dia mahukan sendiri. Orang lain terpaksa membawanya kepada Tuhan. Mereka pasti bercakap untuk lelaki itu, mengetahui bahawa Yesus adalah orang yang istimewa. Iman dan keyakinan mereka kepada Yesus pasti mengagumkan Tuhan.

